

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 5/1999

PREMIUM DENDA DI ATAS PERMOHONAN MILIK TANAH JENIS PERTANIAN YANG TELAH DIRENTAH SECARA HARAM PINDAAN KEPADA KAEDEH-KAEDEH TANAH KELANTAN 1966

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang bagi kali 21/98 pada 04hb. November 1998 setelah menimbang Kertas Bilangan 21/796/98 telah bersetuju untuk mengenakan premium denda ke atas permohonan milik tanah jenis pertanian yang telah direntah secara haram dengan memasukkan semula kaedah mengenai premium denda ke dalam Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Dimaklumkan bahawa sebelum 1/4/1993 premium denda telah diperuntukan didalam Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 bagi semua pemberian milik tanah jenis pertanian yang direntah secara haram. Bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuarat kali ke 9/93 pada 5hb. Mei 1993 telah membuat keputusan menghapuskan premium denda yang terkandung dalam Kaedah 10(A)(b) Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 mulai 01hb. April 1993. Berikutan itu premium denda tidak lagi dikutip. Bagaimanapun Majlis Mesyuarat Negeri mengambil keputusan mengenakan semula premium denda bagaimana keputusan di perenggan (1) di atas.

3. Oleh yang demikian semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan mengenakan semula premium denda ke atas pemberian milik tanah pertanian yang direntah secara haram dengan kadar baru bagaimana berikut :

<u>Tempoh Rentah Haram</u>	<u>Denda Haram</u>
5 tahun ke bawah	Sama dengan kadar premium biasa
Lebih daripada 5 tahun tetapi kurang daripada 10 tahun.	Satu setengah (1 ½) premium biasa
10 tahun dan ke atas.	Dua (2) kali premium biasa

Premium denda ini dikenakan sebagai tambahan kepada premium biasa yang dikenakan ke atas pemberian milik tanah.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 14hb. Januari 1999. Oleh itu mananya kelulusan milik Tanah Pertanian yang direntah secara haram mulai tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah tertakluk kepada premium denda seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di atas.

5. Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 3 Tahun 1993 adalah dengan ini dibatalkan.

t.t
(Md. Yusuf Bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha.
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar
2. YB Timbalan Menteri Besar
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri
5. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri
6. YABrs. Ketua Audit Negeri
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.
FAIL : PTG.KN.3269 JLD.2 (46)
BERTARIKH : 06 Rabiulawal 1420H.
20 Jun 1999**